



KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN
KELESTARIAN ALAM
JABATAN ALAM SEKITAR

**SIARAN MEDIA
JABATAN ALAM SEKITAR**

**KOLOBARASI DAN KOMITMEN SEMUA PIHAK DALAM
MEMPERKASAKAN PEMULIHARAAN DAN PEMELIHARAAN ALAM
SEKITAR**

PUTRAJAYA - Jabatan Alam Sekitar sentiasa memberi perhatian serius dan komited dalam merancang serta merangka gerak kerja berkaitan kawalan sumber-sumber pencemaran dari pelbagai aktiviti, selaras dengan pindaan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974.

Pertemuan Ketua Pengarah Alam Sekitar Bersama Pengerusi EAIC Tan Sri Dr. Ismail Bakar pada 17 Oktober 2024 telah memperincikan dan membincangkan pelbagai isu alam sekitar, termasuk mekanisme penyelarasan serta cadangan untuk membentuk rangkaian kerjasama strategik yang lebih erat dengan agensi-agensi berkaitan. Ini bertujuan untuk memperkukuh tindakan penguatkuasaan undang-undang terhadap jenayah alam sekitar bertepatan dengan pewartaan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (Pindaan) 2024 yang mula berkuatkuasa pada 7 Julai 2024 yang lalu.

“Pelbagai isu diperincikan dan dibincangkan semasa pertemuan ini antaranya berhubung pengukuhan perundangan dan tindakan penguatkuasaan yang lebih tegas termasuk strategi mencegah salahlaku

SM JAS 49/2024

dan pelanggaran integriti adalah penting untuk memastikan kepatuhan terhadap undang-undang alam sekitar. Dalam usaha ini, kolaborasi semua pihak, termasuk Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan, Agensi-agensi berkaitan, serta sektor swasta dan masyarakat, adalah kunci untuk membendung pencemaran dan mengekalkan kelestarian alam sekitar. Hanya melalui kerjasama yang erat dan penyelarasan tindakan penguatkuasaan, kita dapat menangani isu alam sekitar secara berkesan dan holistik.” kata Dato’ Wan Abdul Latiff Wan Jaffar, Ketua Pengarah Alam Sekitar.

JAS juga telah membentangkan statistik tindakan penguatkuasaan terhadap premis yang tidak mematuhi Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 yang merangkumi tindakan Notis Arahan (NA), kompaun, Penahanan Operasi Kelengkapan (POK), Perintah Larangan (PL), gantung/ tarik balik lesen serta tindakan mahkamah.

Jabatan juga sentiasa komited memastikan penambahbaikan berterusan terhadap fungsi dan peranannya menjadi keutamaan dalam memastikan kualiti penyampaian perkhidmatan yang memenuhi jangkaan orang awam.

JABATAN ALAM SEKITAR
18 OKTOBER 2024

Unit Komunikasi Korporat | Jabatan Alam Sekitar (JAS) | Tel.03-8871 2371



@JabatanAlamSekitar



@jas_malaysia_official



@jabatanalamsekitar



@jasmalaysia